Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Goram, sebanyak RM3 juta telah diluluskan masing-masingnya bagi Jalan Sungai Menuan dan Jalan Sungai Ibaou bagi kerja-kerja awalan dan reka bentuk. Peruntukan bagi pembinaan Jalan Sungai Menuan dan Jalan Sungai Ibaou telah dikemukakan di bawah kajian separuh penggal Rancangan Malaysia ke-11 untuk pertimbangan Kerajaan Negeri. *In fact Tuan Speaker, this is part of the Government effort to implement rural connectivity including connectivity in the interior areas. Thank you.*

Y.B. Encik Jefferson Jamit Anak Unyat: (Soalan Tambahan) Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Ahli Yang Berhormat Menteri Muda telah menjawab soalan saya. Sini saya ada dua soalan tambahan.

1. Apakah skop kedua-dua Jalan Sungai Menuan dan Jalan Sungai Ibaou?
2. Berapakah kos bagi kedua-dua jalan? Satu, Jalan Sungai Menuan dan Jalan Sungai Ibaou? Terima kasih

Menteri Muda Jalan Pesisir (Y. B. Datuk Haji Julaihi Bin Haji Narawi): Terima kasih, Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Goram.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Goram, skop bagi Jalan Nanga Menuan menuju ke Nanga Setupus melibatkan pembinaan 9km *long single carriage way R3 JKR standard road from Nanga Menuan to Nanga Setupus at Ulu Sungai Menuan and the other one is scope to construct approximately 10km long single carriage way R3 JKR standard road from Nanga Ibaou to Ulu Sungai Ibaou. That is to answer part one of your question, the scope.*

And the part is on the cost. The cost is estimated cost Tuan Speaker. This is the estimated cost for Jalan Nanga Menuan to Jalan Nanga Setupus in Kapit Division is about 67 million at the moment. This is the estimated cost, 67 million. Whereas the estimated cost for Jalan Nanga Ibaou, Jalan Ulu Sungai Ibaou Kapit Division as well is estimated about 75 million. So hopefully this road connectivity will get approved and implemented in the near future. Thank you very much.

Y. B. Tuan Haji Razaili Bin Haji Gapor: Terima kasih Tuan Speaker. Saya ada serangkap pantun.

PEMBINAAN ANJUNG USAHAWAN DI DUN BETING MARO

*Ikan betutu ikan buntal
Dijual laris dalam talian
Sarawak maju ekonomi digital
Soalan saya 259*

(259) **Y.B. Tuan Haji Razaili Bin Haji Gapor** bertanya kepada Menteri Pembangunan Perindustrian dan Usahawan:

- (a) Adakah Kerajaan bercadang untuk membina Anjung Usahawan di DUN Beting Maro?
- (b) Apakah perancangan Kerajaan untuk membantu pembuat perahu/bot dan perabot di Kampung Beladin?
- (c) Adakah Kerajaan bercadang untuk melaksanakan program e-dagang untuk usahawan luar bandar dan DUN Beting Maro?

Menteri Muda Pembangunan Perusahaan Perindustrian Kecil dan Sederhana dan Usahawan, Menteri Muda E-Dagang (Y.B. Datuk Haji Mohd. Naroden Haji Majais): Mahu jawab pantun ya. Terima kasih, Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat bagi Beting Maro. The only pantun I know to reply yours... (*laughter*)...Ahli Yang Berhormat Datuk Karim, correct. Because he knew my pantun already.

*Anak bekut terkonang-konang
Konang ari dalam kibong
Jasa tuan akan saya kenang
Laban mayuh menyukong*

Nya aja pantun ditemu aku. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Beting Maro, setakat ini Kementerian belum ada perancangan untuk membina Anjung Usahawan bagi kawasan Beting Maro. Kalau Ahli Yang Berhormat dapat memberi kita maklumat mengenai keperluan saiz dan jumlah premis yang diperlukan, kesediaan tapak, konsep premis dan sebagainya supaya pihak Kementerian kita akan dapat menilai untuk pertimbangan bagi tahun 2018 nanti.

Bagi mereka yang membuat perahu dan bot, LKIM ada menyediakan Skim Pinjaman. Skim Pinjaman Nelayan Komersil ataupun SNEK dan Skim Pinjaman Nelayan Pantai SNEP. Bagi kos perabot Kerajaan ada menyediakan skim vendor di bawah STIDC khas untuk perabot dan skim ini terbuka kepada usahawan semua di seluruh negeri Sarawak.

Soalan nombor tiga, adakah Kerajaan bercadang untuk melaksanakan program e-dagang untuk usahawan luar bandar termasuk Beting Maro? Yes. Dasar Yang Amat Berhormat Ketua Menteri untuk memperluaskan dan memperkasakan lagi kuasa *coverage* ICT ke seluruh negeri. Maknanya, memberi kemudahan dan galakan kepada para penduduk termasuk para usahawan di luar bandar ke satu lagi tahap berurusan melalui teknologi digital dan seterusnya memberi ruang baru berniaga secara online dan online adalah sebahagian daripada konsep e-dagang. Dan melalui *platform* e-dagang, harapan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri agar komuniti perniagaan seluruh negeri Sarawak berupaya meningkatkan lagi pengeluaran dan kualiti produk untuk memenuhi permintaan pasaran yang lebih besar kalau tidak pasaran global. Terima kasih.

Y.B. Tuan Haji Razaili Bin Haji Gapor: (*Soalan Tambahan*) Terima kasih, Tuan Speaker. Terima kasih, Datuk Menteri atas jawapan. Saya ada dua soalan tambahan.

1. Apakah strategi Kerajaan untuk mendidik masyarakat luar bandar supaya memahami dan memanfaatkan e-dagang ini?
2. Apakah kelebihan e-dagang terutamanya sekali bagi para usahawan kotej luar bandar?

Menteri Muda Pembangunan Perusahaan Perindustrian Kecil dan Sederhana dan Usahawan, Menteri Muda E-Dagang (Y.B. Datuk Haji Mohd. Naroden Haji Majais): Terima kasih Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat bagi Beting Maro.

Untuk mendidik rakyat kita di seluruh negeri terutama sekali mereka di luar bandar, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan e-dagang bersama-sama dengan Kementerian Pembangunan Usahawan disokong oleh agensi-agensi yang melaksanakan program yang sama akan melaksanakan beberapa program termasuk *showcase* ke kawasan luar bandar dari masa ke semasa.

To instill, to disseminate information, we did continuous campaign. Kalau tidak information yang kita hendak salurkan ke peringkat akar umbi tidak akan masuk ke dalam minda rakyat. Dengan ini saya ingin mengajak semua Ahli-Ahli Yang Berhormat samada dalam Barisan Nasional mahupun di opposite bench bersama-sama kita start talking about digital economy, start talking about digital village, Borneo 744, e-commerce and so forth because business is all about everybody and all about corporation. No politics in business.

Menteri Muda Pembangunan Perusahaan Perindustrian Kecil dan Sederhana dan Usahawan, Menteri Muda E-Dagang (Y.B. Datuk Haji Mohd. Naroden bin Haji Majais): Soalan nombor dua. Salah satu *advantage* yang semua kita akan dapat melalui teknologi dan internet ialah tidak kira di mana kita berada sama ada kita di bandar besar malah di dalam pedalaman, sama ada pelaburan kita satu ribu ringgit ataupun berjuta ringgit, internet dan teknologi akan memberi kita level permainan yang sama rata. Maknanya sama ada kita kecil ataupun besar kita dapat memasarkan produk kita ke pasaran yang lebih besar dalam masa yang tepat, cepat dan mudah. Terima kasih.

PERANCANGAN PEMBINAAN SEKOLAH-SEKOLAH KEBANGSAAN DI DUN KABONG

(260) **Y.B. Encik Mohamad Chee bin Kadir** bertanya kepada Menteri Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi:

- (a) Bilakah pembinaan SK Abang Leman, Kabong akan bermula dan bilakah ia dijangka siap?
- (b) Bilakah SK Haji Junid Gerigat dan SK Enkabang, Roban tersebut akan dibina dan bila dijangka siap oleh kontraktor-kontraktor yang telah dilantik membina sebahagian dari Lebuhraya Pan Borneo?

Menteri Muda Pendidikan dan Teknologi dan Menteri Muda Perumahan dan Kesihatan Awam (Y.B. Dr Haji Annuar bin Rapa'ee): Terima kasih Yang Berhormat bagi Kabong. Tuan Speaker, sekolah SK Leman ini adalah di bawah RMK-11 dan pihak konsultannya telah ditawarkan pada 26 November 2015. Jadi saya fahamlah perasaan Yang Berhormat bagi Kabong, bila lagi nak *start*. Tapi saya nak pastikan di sini bahawa sekolah ini sudah di bawah *tendering process* dan Insya-Allah akan dibina secepat mungkin.

Bagi soalan yang kedua iaitu Sekolah Haji Junid Gerigat dan Sekolah Engkabang ia akan dimulakan pada Januari 2018. Terima kasih.

Y.B. Encik Mohamad Chee bin Kadir: (*Soalan Tambahan*) Terima kasih Yang Berhormat Menteri Muda. I have two supplementary questions. Firstly, what is the construction cost for SK Haji Junid Gerigat and SK Engkabang Roban. Secondly, what is the capacity of each school?

Menteri Muda Pendidikan dan Teknologi dan Menteri Muda Perumahan dan Kesihatan Awam (Y.B. Dr Haji Annuar bin Rapa'ee): Terima kasih sekali lagi Yang Berhormat bagi Kabong. Untuk kedua-dua sekolah tersebut peruntukan ialah RM1.2 juta dan kapasitinya adalah untuk seramai 150 orang murid iaitu tidak dikategorikan lagi dalam sekolah kurang murid. Jadi Insya-Allah kita akan mulakan projek tersebut sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi pada bulan Januari 2018. Terima kasih.

PENUBUHAN AGRO PARK DI KAWASAN PESISIRAN DI DUN JEMORENG

(261) **Y.B. Dato' Murshid Diraja Dr Juanda Bin Jaya** bertanya kepada Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah:

- (a) Apakah perancangan Kerajaan untuk menubuhkan *Agro Park* di kawasan pesisiran yang subur seperti Matu dan Igan untuk membantu pembangunan ekonomi di kawasan tersebut sepertimana yang dibina oleh Kerajaan di Sarikei? dan
- (b) Apakah bentuk *Agro Park* yang akan dibina nanti?

Tuan Speaker seorang yang sabar. Menjaga ADUN-ADUN yang sering mencabar. Soalan saya 261 apa khabar. Jawapan ditunggu dengan sabar.

Menteri Muda Pertanian (Y.B. Dr Haji Abdul Rahman bin Haji Ismail): Terima kasih, khabar baik. Terima kasih, Tuan Speaker. Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Jemoreng. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Jemoreng, buat masa ini Kerajaan belum mempunyai perancangan untuk menubuhkan *Agro Park* di kawasan Matu dan Igan.

Konsep *Agro Park* ini adalah idea daripada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri iaitu untuk menggalakan agropreneur mengaplikasikan kaedah-kaedah moden pertanian termasuk teknologi digital dan *precision farming* selari dengan pendekatan Kerajaan untuk mengkomersilkan bidang pertanian melalui *digital economy*.

Sebagai perintis, sebuah kawasan berkeluasan lebih kurang 500 ekar telah dikenal pasti di Bahagian Sarikei untuk projek *Agro Park* ini. Kawasan ini dipilih adalah kerana ia mempunyai potensi yang tinggi untuk pengeluaran hasil pertanian dan kedudukannya yang strategik serta mempunyai infrastruktur fizikal dan logistik yang baik. Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk memperluaskan inisiatif ini ke kawasan lain termasuk di kawasan Yang Berhormat iaitu Matu dan Daro. Ini bergantung kepada kesesuaian dan potensi pengeluaran hasil pertanian di kawasan berkenaan. Terima kasih.

Y.B Dato' Murshid Diraja Dr Juanda Bin Jaya: (*Soalan Tambahan*) Tuan Speaker, saya ada dua soalan tambahan.

1. Jika Kerajaan belum bercadang untuk membangunkan Agro Park di kawasan Matu dan Igan dalam masa yang terdekat, apakah usaha-usaha Kerajaan untuk membangunkan sektor pertanian di kawasan tersebut?
2. Apakah jenis tanaman dan ternakan yang sesuai dibangunkan di Agro Park yang dicadangkan nanti memandangkan kawasan Matu Igan adalah tempat yang zaman dahulu banyak menternak lembu, kerbau, tanaman labu, sayur-sayuran dan sebagainya. Terima kasih.

Menteri Muda Pertanian (Y.B Dr Haji Abdul Rahman Bin Haji Ismail): Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Jemoreng. Untuk menjawab soalan yang pertama, sepanjang tahun 2016 dan 2017 Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM1.5 juta untuk melaksanakan 15 pelbagai projek pembangunan pertanian yang melibatkan seramai 717 orang peserta di Dewan Undangan Negeri Jemoreng.

Projek tersebut termasuk pembangunan industri kelapa, penanaman buah-buahan bermusim seperti rambutan dan tidak bermusim seperti tembikai, pisang dan nenas dan juga ternakan haiwan seperti lembu, ayam dan pemeliharaan kelulut. Belum ada kerbau lagi disini Tuan Speaker.

Untuk menjawab soalan kedua, sekiranya projek *Agro Park* dibangunkan di kawasan ini nanti, Kerajaan mengenal pasti beberapa jenis buah-buahan dan sayur-sayuran yang bernilai tinggi seperti *rock melon* dan *honey melon*, *chilli*, *tomato* dan *halia* dan pelbagai produk pertanian yang lain. Terima kasih.

PERANCANGAN UNTUK MENAIK TARAF JALANRAYA DARI DUN ASAJAYA KE DUN SADONG

(262) **Y.B. Ir Aidel Lariwoo** bertanya kepada Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan: Apakah ada rancangan pihak Kerajaan untuk menaik taraf jalanraya daripada DUN Asajaya ke DUN Sadong Jaya?

Menteri Muda Jalan Pesisir (Y.B. Datuk Haji Julaihi Bin Haji Narawi): Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Sadong Jaya. Saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bagi Sadong Jaya bahawa Kerajaan akan memastikan jalan yang sedia ada, jalan dari Asajaya ke Sadong Jaya sentiasa berada dalam keadaan yang selamat dan diselenggarakan dari semasa ke semasa. Jalan ini merupakan sebahagian daripada jalan pesisiran pantai Sarawak yang ada pada masa sekarang.

Sehubungan itu, Kementerian saya akan mengkaji cadangan bagi menaiktaraf jaringan jalan pesisir yang dimaksudkan termasuk kawasan Asajaya hingga Sadong Jaya. Untuk tujuan itu sukacita saya memaklumkan bahawa pembaikan jalan pesisiran pantai sepanjang 6 kilometer, iaitu dari kilometer ke 45 hingga ke kilometer 51 Jalan Trisor ke Pusa hingga ke feri Tanjung Lilin, Pusa akan dilaksanakan dan dijangka akan bermula pada pertengahan tahun 2018. Jadi, *we are trying to upgrade that stretch of road from Trisor to ferry Tanjung Lilin because that stretch is quite bad at the moment. Thank you.*

Y.B. Ir Aidel Lariwood: (*Soalan Tambahan*) Terima kasih Menteri Muda di atas jawapan itu tadi. Saya ada satu saja soalan tambahan. Memandangkan Kerajaan negeri hendak membina semua jambatan-jambatan besar di kawasan pesisir di laluan jalan pesisir, apakah ada rancangan Kerajaan untuk menaiktaraf jalan-jalan yang sedia ada di laluan pesisir ini bukan saja di kawasan Asajaya dan Sadong Jaya, malahan di kawasan seterusnya di kawasan pesisir yang meliputi kawasan Sebuyau, di kawasan Y.B. Menteri Muda sendiri dan

juga seterusnya ke kawasan Saribas ke kawasan Beting Maro, Lingga, Dalat, Mukah dan seterusnya ke kawasan Semop di sebelah atas dan juga meliputi kawasan pesisir. Bagaimanakah cara Kerajaan untuk mempercepatkan naik taraf Jalan raya pesisir ini bukan saja menggunakan peruntukan-peruntukan penyelenggaraan malahan mungkin dapat digunakan peruntukan pembangunan ataupun dana pembangunan untuk membangunkan jalan pesisir ini, terima kasih.

Menteri Muda Jalan Pesisir (Y.B. Datuk Haji Julaihi Bin Haji Narawi): Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Sadong Jaya. Bila kita bercakap tentang jalan pesisiran pantai dan ianya melibatkan pembinaan banyak jambatan di laluan jalan pesisiran pantai itu sendiri. Jadi, memang saya amat bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Sadong Jaya apabila siapnya jalan pesisiran pantai ini sepenuhnya dengan siapnya pembinaan jambatan-jambatan di laluan jalan pesisiran pantai itu kita akan menyaksikan frekuensi trafik itu menjadi jauh lebih tinggi. Malah sekarang pun dengan menggunakan kemudahan feri sahaja kita dapat menyaksikan bahawa frekuensi trafik yang menggunakan jalan pesisiran pantai adalah tinggi dan oleh itu lah, maka apabila kita mendapati bahawa frekuensinya tinggi jalan yang ada sekarang juga mendapat impak daripada penggunaan yang begitu tinggi. Jadi, oleh itulah maka saya dan rakan-rakan daripada Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan dan juga JKR telah meninjau keadaan jalan pesisiran pantai dari satu tempat ke satu tempat. *In fact, we went to the ground, Tuan Speaker, to have a look at ourselves, seeing is believing. So, we have a look and see what actually is the condition of the coastal road right now.*

So, looking at the present condition, we agree that, yes, the present road condition along the coastal road from the southern to the northern part of Sarawak need attention and of course when we say we need attention we need upgrading so that it will be meaningful and that will be used safely by the increasingly traffic in the near future. We will look into it Ahli Yang Berhormat bagi Sadong Jaya because that is another part of the rural connectivity especially along the coastal part of Sarawak which is getting more important and getting more attention by our people driving from the north to the south, from the south to the north. So, we will look into it seriously. Thank you very much.

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat, question time is up.

SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS BACAAN KALI YANG KEDUA RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2018), 2017 DAN USUL UNTUK MERUJUK RESOLUSI ANGGARAN PEMBANGUNAN BAGI PERBELANJAAN 2018

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat bagi Tanjung Datu.

Y.B. Datuk Amar Hajah Jamilah Haji Anu: Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh dan salam sejahtera. Tuan Speaker, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih di atas peluang untuk saya menyertai perbahasan mengenai Supply (2018) Bill, 2017 pada kali ini. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan Menteri Kewangan atas perbentangan *Supply (2018) Bill, 2017* pada 8 November 2017 yang lalu.

Bajet tersebut memberi tumpuan kepada pembangunan bandar iaitu berjumlah RM5.745 bilion dan daripada itu 53% ataupun RM3.062 bilion dikhaskan untuk luar bandar. Saya sebagai wakil rakyat luar bandar sangat mengalu-alukan *development-biased and rural focused* bajet tersebut.

Dalam pada itu, saya juga mengucapkan syabas kepada Kerajaan kerana hasil atau *revenue* untuk 2017 yang dijangka meningkat dengan RM779 juta dengan menjurus kepada lebihan sebanyak RM394 juta. Ini menunjukkan keberkesanan dan kecekapan jentera Kerajaan kita di dalam melaksanakan dasar serta tanggungjawab yang telah ditetapkan.

Tuan Speaker, bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri juga Menteri Kewangan adalah satu bajet yang komprehensif kerana bajet tersebut merupakan landasan atau *enabler* di dalam inisiatif ekonomi digital Kerajaan. Inisiatif digital ini tidak tertumpu kepada kawasan bandar sahaja, malah memberi fokus kepada luar bandar agar penduduk luar bandar dapat sama-sama menikmati hasil daripada inisiatif ini nanti.

Saya berpendapat bahawa kita tidak dapat menunggu semua komponen di dalam *digital eco-system* ini lengkap segalanya di kawasan bandar barulah kita memberi tumpuan kepada luar bandar. Sebaliknya kita seharusnya membangun *digital eco-system* ini secara *holistic* dan *inclusive*. Maka sangatlah bertepatan dengan apa yang dirancang Kerajaan sekarang ini untuk merealisasikan inisiatif ekonomi digital ini.

Tuan Speaker, sekarang saya ingin mengutarakan beberapa perkara yang melibatkan kawasan saya dan kaitannya dengan bajet yang dibentangkan.

Pada persidangan yang lepas, saya telah mengutarakan dua perkara yang amat dekat di hati saya iaitu pembangunan pendidikan dan eko-pelancongan di kawasan saya.

Pembangunan Pendidikan

Berkenaan dengan pendidikan, kita di Sarawak amat mengalu-alukan peruntukan sebanyak RM1.0 bilion (*Federal Budget*) untuk pembinaan dan pemuliharaan bangunan dan kemudahan persekolahan di Sarawak.

Yang Berhormat Menteri Pelajaran Sains dan Penyelidikan Teknologi telah dipetik mengatakan terdapat 415 buah sekolah dikategorikan sebagai daif kritikal di Sarawak. Daripada jumlah itu, tujuh buah sekolah terletak di kawasan saya. Sekolah-sekolah tersebut adalah SK Telok Melano, SK Pueh, SK Pugu, SK Rambungan, SK Stunggang Melayu, SK Stunggang Temelan dan SK Sebat. Selainnya juga daif, namun tidak diklasifikasikan sebagai daif kritikal.

Saya amat bersedih terhadap anak-anak kita yang terpaksa belajar dalam keadaan yang serba kekurangan, namun saya percaya mereka serta guru-guru mempunyai motivasi serta impian untuk mencapai kejayaan.

Sekolah-sekolah tersebut bukan sahaja memerlukan baik pulih terhadap bilik-bilik darjah, malah kuarters-kuarters guru juga sangat perlu dibaik pulih atau dalam keadaan tertentu perlu pembinaan semula. Saya menaruh harapan yang amat tinggi agar Kementerian Pelajaran, Sains dan Penyelidikan Teknologi dapat memberi keutamaan dalam hal ini.

SMK Sematan kini tidak lagi mempunyai *perimeter fencing* kerana terlalu usang dan sudah roboh. Ini menimbulkan isu keselamatan terhadap pelajar-pelajar khususnya pelajar asrama kerana telah berlaku pencerobohan oleh orang luar. Saya mendapat maklum bahawa pencerobohan tersebut dilakukan oleh pekerja-pekerja kebun dan ladang yang terdapat di belakang sekolah tersebut. Diharapkan mendapat perhatian serius dari pada pihak Kementerian, *by that time it would be too late, especially when precious lives are involved*. Saya tidak mahu ini berlaku. Banyak lagi kekurangan di sekolah tersebut dan ini

telah saya sentuh dalam persidangan yang lepas seperti keperluan untuk makmal sains iaitu *pure science lab* di samping sekolah tersebut memerlukan pendawaian semula.

SMK Lundu memerlukan bangunan baharu untuk kelas Pendidikan Khas bagi menempatkan 70 orang pelajar yang mana keperluannya amat mendesak. Sekarang ini hanya terdapat tiga buah kelas yang sepatutnya hanya untuk 21 orang pelajar. Sekarang sekolah tersebut juga memerlukan sebuah perpustakaan baharu dan kerja-kerja pendawaian semula.

Seterusnya, Tuan Speaker, saya ingin kaitkan inisiatif ekonomi digital Kerajaan dengan kemampuan pelajar-pelajar khususnya di kawasan saya dalam kesediaan mereka menghadapi cabaran ini serta kesediaan mereka untuk *capitalize* dengan peluang-peluang yang ada nanti. Mereka hendaklah diperkukuhkan dengan pendidikan tinggi, latihan serta kompetensi yang mencukupi, agar mereka mampu menyumbang kepakaran mereka daripada aspek-aspek teknikal di dalam pembangunan infrastruktur serta keperluan-keperluan lain ekonomi digital.

Saya sama sekali tidak mahu anak-anak kita nanti hanya sekadar pengguna di dalam sistem ekonomi digital. Saya percaya jika diberi peluang, namun saya khawatir juga kerana landasan untuk mereka mendapat pendidikan serta latihan dalam aspek-aspek Sains, Teknologi, Engineering dan Matematik atau STEM adalah amat terhad. Ini berbalik kepada isu kemudahan di sekolah sepertimana yang saya telah katakan tadi. Masalah kekurangan makmal dan bahan-bahan *consumables* untuk makmal yang amat ketara. Saya khawatir jika bilangan pelajar yang mengikuti subjek STEM amat sedikit, maka satu hari nanti ramai yang akan menjadi pengguna-pengguna teknologi sahaja. Tiada nilai tambah atau *value-added* terhadap pengetahuan dan kemahiran mereka.

Untuk makluman semua, bilangan pelajar aliran sains berbanding dengan aliran sastera di SMK Sematan dan SMK Lundu untuk Tingkatan 4 dan 5 tidak mampu mencecah 20%, sedangkan dasar untuk STEM adalah 60% dalam aliran sains. Senario ini amat membimbangkan saya.

Suatu tindakan intervensi yang drastik perlu dilakukan segera jika kita mahu berjaya pada masa hadapan. Oleh itu saya menyeru Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak, Kementerian Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi, termasuk agensi seperti Yayasan Sarawak haruslah bekerjasama merangka strategi dan pelan tindakan yang berkesan untuk menangani perkara ini.

Saya mempunyai harapan yang besar di dalam aspek pembangunan pendidikan di kawasan saya kerana saya percaya dengan peluang yang sama, kemudahan yang lengkap, anak-anak di luar bandar pasti dapat meningkatkan prestasi di sekolah mereka dan seterusnya membuka peluang untuk merealisasikan impian mereka masing-masing.

Eko-Pelancongan

Tuan Speaker, seterusnya saya ingin menyentuh tentang usaha-usaha untuk mempromosikan destinasi eko-pelancongan di kawasan saya. Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini, saya telah membuat perbandingan tentang bilangan pengunjung di *Gunung Gading National Park* dan *Tanjung Datu National Park* dengan perbandingan dengan *Bako National Park*. Perbandingan ini adalah untuk tahun-tahun 2015, 2016 dan setakat Oktober 2017. Apa yang saya dapati bilangan pengunjung di *Bako National Park* berbanding dengan pengunjung di *Gunung Gading National Park* pada tahun 2015 adalah 2.5 kali ganda, 2016 adalah 2.7 kali ganda dan tahun 2017 adalah 2.9 kali ganda.

Sebagai contohnya bilangan pengunjung pada setakat Oktober 2017 di Bako National Park adalah 51,520 orang sementara di *Gunung Gading National Park* adalah seramai 17,294 orang sahaja. Saya pasti sebilangan besar pengunjung ini adalah terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah tempatan di Lundu. Untuk perbandingan dengan *Tanjung Datu National Park*, pengunjung di *Bako National Park* adalah 52 kali ganda pada tahun 2015, 45 kali ganda pada tahun 2016 dan 38 kali ganda pada tahun 2017.

Tuan Speaker, apa yang jelas daripada statistik tersebut, kedua-dua buah Taman Negara di kawasan saya tidak menerima kunjungan sebagaimana di Taman Negara Bako, sedangkan bilangan di Taman Negara tersebut kian meningkat. Saya sedar tentang masalah *accessibility* terutama sekali di *Tanjung Datu National Park*, namun ia tidak seharusnya mengurangkan usaha-usaha untuk kita mempromosikan perkara itu.

Sebagai contoh, bagi *Gunung Gading National Park*, pihak pengurusan ataupun *Sarawak Forestry Corporation* (SFC) harus membuat publisiti meluas sebelum, saya ulang, sebelum Bunga Rafflesia mekar, *for your information* Bunga Rafflesia telah pun mekar pada 7-12 November baru-baru ini iaitu *last week*. Jadi saya syorkan sebelum Bunga Rafflesia mekar kita membuat elok-elok promosi dan itu sudah tentu dapat mengelakkan kekecewaan setelah melakukan perjalanan bagi *tourist-tourist* yang datang dari jauh dan mereka juga kecewa dan gagal menjumpai Bunga Rafflesia seperti mana yang berlaku sekarang. Bunga Rafflesia adalah merupakan tarikan utama selain flora dan fauna lain yang terdapat di *Gunung Gading National Park*. Saya pasti pihak pengurusan taman mempunyai kepakaran dalam hal ini. Saya rasa ianya tidak menyalahi apa-apa prosedur Kerajaan untuk pihak *Sarawak Forestry Corporation* membuat publisiti tentang produk pelancongan di taman-taman negara di kawasan saya.

Di samping itu, ingin saya menyentuh sedikit tentang kekurangan kemudahan awam kedua-dua Taman Negara tersebut termasuk trek dan laluan pejalan kaki yang perlu ditambah dan dibaikpulkan.

Tuan Speaker, Lebuhraya Pan Borneo laluan Telok Melano-Sematan dijangka dapat digunakan menjelang 2019. Saya pasti *connectivity* ini akan membukakan ruang dan peluang kepada lebih ramai pengunjung ke Sematan dan Telok Melano dan seterusnya ke *Tanjung Datu National Park*. Oleh itu, kita haruslah membuat persiapan daripada sekarang dan penglibatan dan *collaboration* di antara komuniti tempatan, pihak Kementerian Pelancongan, *Sarawak Forestry Corporation* dan Jabatan Hutan termasuk pihak swasta untuk menyediakan pakej-pakej yang menarik. Pihak berwajib harus menyediakan kursus-kursus tentang eko-pelancongan, *hospitality* termasuk kursus penyelenggaraan *homestay* yang dikait rapat dengan *e-commerce* ataupun e-dagang kepada komuniti setempat agar mereka bersedia. Di samping itu juga, penyediaan bot-bot dari Telok Melano ke Tanjung Datu dan kawasan di sekitarnya. Saya tidak mahu komuniti tempatan hanya menjadi *spectator* di dalam kerancangan aktiviti pelancongan tersebut. Inilah adalah *passion* saya Tuan Speaker, kawasan Tanjung Datu mempunyai potensi yang sangat besar dan suatu hari nanti akan menjadi destinasi utama untuk *eco-tourism* di rantau kita ini.

Tuan Speaker, saya menyambut baik dan terima kasih di atas peruntukan RM343 juta yang melibatkan Bau, Lundu, *Sematan Regional Water Supply*, selaras dengan apa yang telah diumumkan semasa Pilihanraya Kecil Tanjung Datu yang lepas. Ini menunjukkan bahawa Barisan Nasional tetap menunaikan janji dan janji tetap ditepati. Adalah menjadi harapan saya dan seluruh rakyat Tanjung Datu agar bekalan air bersih akan menjadi kenyataan sebelum penghujung Rancangan Malaysia ke-11 iaitu pada tahun 2020. Kerajaan juga telah meluluskan RM103 juta untuk beberapa projek taman perindustrian, termasuk di kawasan saya iaitu di *Lundu Industrial EState*. Projek ini akan menjadi pemangkin kepada pengeluaran produk berasaskan pertanian dan juga perikanan. Lundu

sememangnya terkenal dengan produk-produk perikanan seperti pelbagai jenis keropok serta hasil tanaman lain seperti padi, buah-buahan dan tidak ketinggalan madu kelulut. Ini seterusnya menyumbangkan kepada peningkatan pengeluaran, meluaskan pasaran, menambahkan peluang pekerjaan yang menjurus kepada kegiatan ekonomi yang lebih rancak. Namun saya khuatir sebilangan usahawan tempatan mungkin tidak mampu membeli tapak atau tidak mampu membina kilang untuk keperluan pengeluaran mereka. Mereka tidak mempunyai modal yang mencukupi untuk tujuan itu.

Y.B. Datuk Amar Hajah Jamilah Haji Anu: Justeru itu saya mencadangkan dan memohon agar Kerajaan membina bangunan pemprosesan ringan yang mampu disewa dengan harga yang mampu mereka biayai seperti *lock-up light factory buildings*.

Kerajaan juga telah memperuntukkan RM232 juta untuk Rumah Mampu Milik dan RM102.5 juta untuk Rumah Mesra Rakyat. Saya amat menyambut baik usaha ini kerana di kawasan saya, telah tersedia lot-lot untuk kediaman sebanyak 250 lot di Lundu dan 100 lot di Sematan. Tetapi dalam pada itu, beberapa buah kampung menghadapi bahaya tebingan sungai iaitu Sungai Batan Kayan yang runtuh iaitu di Kampung Stunggang, Kampung Dagang, Kampung Semunin, Kampung Sileng Melayu dan Sileng Dayak.

Oleh itu, saya berharap agar sebahagian daripada peruntukan ini dapat dimanfaatkan untuk penduduk-penduduk yang terlibat secara langsung oleh tebingan sungai yang runtuh ini. Saya menyeru agar Kementerian Perumahan segera bekerjasama dengan pentadbiran Daerah Lundu untuk *kick-start* projek ini. Pusat Khidmat saya bersedia membantu dalam hal-hal ini.

Tuan Speaker, saya mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap kepimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi (Dr) Haji Abdul Rahman Zohari Bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Ketua Menteri kita terutama sekali dalam inisiatif beliau di dalam menggerakkan pembangunan Negeri ini berlandaskan ekonomi digital. Ini dibuktikan dengan beberapa inisiatif yang telah menjadi kenyataan dengan penubuhannya *PETROS dan DBOS* serta *Sarawak Multimedia Authority*, atau SMA. Setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri kita.

Tuan Speaker, saya tidak akan mengambil masa yang lebih daripada yang telah saya diperuntukkan. Saya telah menyentuh beberapa perkara pokok dan dasar sahaja. Hal-hal berkaitan dengan *implication and execution* saya akan terus berhubung dengan Kementerian, Jabatan dan agensi-agensi yang berkaitan dan sebelum mengakhiri ucapan ini, izinkan saya mengucapkan Selamat Menyambut Maulidur Rasul pada 1 Disember 2017 serta mengucapkan *Merry Christmas and a Happy New Year* yang bakal menjelang kepada semua rakan-rakan Ahli Dewan yang mulia ini serta kepada semua rakyat Negeri ini.

Dan kepada pelajar-pelajar yang sedang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan bakal menduduki Sijil Pelajaran Tinggi Malaysia (STPM) saya mengucapkan selamat maju jaya. *Please challenge yourselves and realize your dreams*.

Sekali lagi, terima kasih di atas peluang untuk saya membahaskan Supply (2018) (2017) Bill, ini. Sekian, saya mohon menyokong.

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat bagi Demak Laut.

Y.B. Dr Haji Hazland Bin Abang Hipni: Terima kasih Tuan Speaker, Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Tuan Speaker, saya mengucapkan berbilang terima kasih kerana telah diberikan kesempatan ini untuk turut diberi peluang membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan 2018 dan usul untuk merujuk Resolusi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan

2017 yang telah dibentang oleh Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Ketua Menteri merangkap Menteri Kewangan Sarawak di Dewan yang mulia ini.

Tuan Speaker, terlebih dahulu saya bagi pihak rakyat di N.5 Demak Laut ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Ketua Menteri merangkap Menteri Kewangan Sarawak kerana telah berjaya untuk membentangkan satu bajet yang seimbang, satu bajet yang progresif dan komprehensif walaupun dalam suasana cabaran hebat ekonomi dunia yang tidak menentu, walaupun dalam suasana penurunan nilai ringgit, penurunan nilai harga komoditi, peningkatan kos sara hidup dan peningkatan kos perniagaan.

This is a development biased budget with more than 70% of the allocation is for the implementation of programmes and projects especially in the rural areas to narrow the rural urban development gap. The Government will ensure that the rakyat enjoys excellence services and derive maximum benefits from the implementation of the development programmes and projects through the Government transformation programmes and economic transformation program as the guiding force.

Sektor Perkhidmatan di Demak Laut

Tuan Speaker, sektor perkhidmatan di Demak Laut merupakan penyumbang utama kepada ekonomi rakyat tempatan melalui industri pertanian, industri perikanan, industri makanan, pemborongan dan runcitan, pengangkutan, kemudahan komunikasi, pelancongan dan pengilangan. Semua ini adalah hasil daripada segala program dan inisiatif oleh kedua-dua pihak Kerajaan dan sektor swasta. Demi rakyat, cadangan peruntukan sebanyak RM5.745 billion untuk perbelanjaan pembangunan 2018 adalah sangat-sangat dialu-alukan.

Terutama sekali dengan *Digital Economy*. Adalah menjadi harapan rakyat di Demak Laut untuk turut serta di dalam aktiviti perniagaan melalui *Digital Economy*. Ini adalah untuk memudahkan, mempercepatkan dan menambah bidang pemasaran dan penjualan produk-produk hasil daripada usahawan-usahawan di Demak Laut. Apatah lagi dengan adanya jaringan terus kelak ke Kalimantan, Indonesia, Singapura dan Brunei. Selain menambahkan *volume* kepada perniagaan, ianya juga akan dapat mengurangkan kos perniagaan melalui perniagaan *online*.

Perancangan Kerajaan untuk menambahkan infrastruktur fizikal dan kemahiran rakyat dalam bidang internet melalui pusat khidmat internet yang telah siap berfungsi di Kampung Bako Lot dan di Taman Sepakat Jaya adalah satu langkah yang amat baik yang telah dilakukan oleh Kerajaan. Adalah diharapkan rakyat di Demak Laut akan menggunakan sepenuhnya kemudahan ini yang semestinya akan dapat meningkatkan taraf sosio-ekonomi mereka dalam beberapa tahun yang akan datang.

Kami di Demak Laut juga turut berasa bertuah kerana satu lagi inisiatif *Digital Economy* iaitu *Digital Village* akan dibina di kawasan perindustrian Sama Jaya di Muara Tabuan. Peruntukan sebanyak RM30 juta disalurkan melalui Tabung Ekonomi Gagasan Anak Sarawak (TEGAS) untuk tujuan pembinaan *Digital Village* ini yang sudah semestinya akan melonjakkan lagi usaha Kerajaan Negeri ke arah *Digital Economy* melalui penubuhan *Digital Business Start-up, online marketing* dan sebagainya.

“Connectivity”

Seterusnya berkenaan dengan *connectivity*. Adalah menjadi harapan rakyat di Demak Laut untuk meningkatkan *connectivity* di kawasan kami kerana masih banyak memerlukan jalan raya. Contohnya di Kpg. Bako, Kpg. Beradek, Kpg. Semilang, Kpg. Tiang Api dan di Kpg. Pinggan Jaya dan Muhibbah Pending. Begitu juga dengan projek jambatan

di Tanjung Bako, Beradek, Semilang dan Tiang Api yang sudah begitu lama ditunggu-tunggu oleh para penduduk.

Terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana telah meluluskan dana RM42 juta untuk pembinaan jambatan Bako yang telah 85% siap dan akan siap sepenuhnya pada Mac 2018. Sudah tentulah rakyat akan melalui suatu transformasi pembangunan yang pesat di kawasan tersebut.

Pemeriksaan Pembangunan Sektor Pertanian

Seterusnya berkenaan dengan Pemeriksaan Pembangunan Sektor Pertanian. Demi rakyat, adalah diharapkan peruntukan sebanyak RM223 juta untuk Pemeriksaan Pembangunan Sektor Pertanian akan juga dapat dirasai oleh beribu-ribu para petani di Demak Laut yang mengusahakan beratus-ratus hektar kebun terutama sekali di kawasan Beradek, Semilang, Tiang Api, Bako, Tanjung Bako dan Sungai Nepong. Projek-projek ladang rakyat yang berpotensi tinggi adalah seperti penanaman padi, getah, kelapa, buah-buahan, herba, kolam ikan dan udang air tawar dan penternakan ayam, kambing dan lembu.

Kursus dan pendidikan asas pertanian kepada para petani dan para belia yang berminat dengan industri pertanian serta penggunaan jentera pertanian sudah semestinya akan dapat meningkatkan hasil pertanian di Demak Laut. Di antara strategi yang dapat meningkatkan hasil industri pertanian di Demak Laut adalah seperti berikut:

- (i) Menubuhkan Pusat Kaji Selidik Pertanian;
- (ii) Sistem Pemasaran Hasil Tani yang lebih berkesan;
- (iii) Menubuhkan Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan Pembungkusan;
- (iv) Menaik taraf Infrastruktur di Kebun; *dan*
- (v) Insentif Pertanian untuk Tanaman Kelapa, Lada, Sawit, Buah-buahan dan Ternakan Integrasi Lembu.

Dengan siapnya Jambatan Bako pada tahun depan, Insyaallah, akan meningkatkan hasil tani daripada kawasan Skim Kebun Bako untuk menjadikan kawasan ini sebagai *Agropark*. Satu pelan strategik pembangunan industri pertanian akan dirangkakan untuk yang melibatkan para pekebun di kawasan Bako dan Tanjung Embang dan juga para graduan tempatan yang berminat dalam bidang *Agrotech*.

Organic farming juga suatu bidang yang boleh diusahakan memandangkan Kpg. Bako sudah pun mempunyai Pusat *Composting* yang dapat menghasilkan baja organik. Industri ini harus diperkembangkan di mana baja kompos yang bebas daripada toksik digunakan untuk tanaman sayur-sayuran, buah-buahan dan herba. Ternakan ayam organik *Free Range* juga sepatutnya diusahakan yang bukan sahaja sangat praktikal untuk diusahakan tetapi mempunyai nilai kesihatan yang tinggi. Adalah diharapkan pihak Kerajaan ada menyediakan Kursus Khas Pertanian Organik dan Dana Khas untuk Pertanian Organik.

Pembangunan Luar Bandar

Seterusnya berkenaan dengan pembangunan luar Bandar. Demi rakyat, adalah diharapkan peruntukan sebanyak RM430 juta untuk pembangunan luar bandar akan dapat juga dirasai oleh penduduk Demak Laut terutama sekali di Beradek, Semilang, Tiang Api, Bako, Tanjung Bako, Pinggan Jaya dan Muhibbah Pending yang masih memerlukan

banyak pembangunan infrastruktur asas seperti jalan raya, jambatan, lampu jalan, sistem perparitan, *waterfront*, jeti dan pangkalan bot.

Dengan adanya jambatan di Tanjung Bako yang merentasi Sungai Loba Batu Belat, Sungai Tanjuk dan Sungai Beradek maka sudah semestinya akan dapat mentransformasikan kawasan Tanjung Embang yang terdiri daripada Kpg. Tiang Api, Kpg. Beradek, Kpg. Semilang, Kpg. Beradek Cina dan seterusnya akan memajukan kawasan potensi pertanian seluas 3000 hektar.

Pembangunan Kawasan Industri

Seterusnya adalah berkenaan dengan pembangunan kawasan industri. Terima kasih diucapkan atas cadangan peruntukan RM103 juta untuk pembangunan kawasan industri Demak Laut sebagai kawasan transformasi perindustrian telah pun disenaraikan sebagai salah sebuah kawasan industri yang akan mendapat sebahagian daripada peruntukan ini. Syarat-syarat perundangan tanah industri yang membolehkan penggunaan optima tanah perindustrian untuk perindustrian kecil dan sederhana juga akan menguntungkan para usahawan.

Perumahan Mampu Milik

Seterusnya berkenaan dengan perumahan mampu milik. Demi rakyat, adalah diharapkan peruntukan tambahan RM232 juta daripada Kerajaan Negeri untuk membina rumah mampu milik akan dapat dirasai oleh keluarga-keluarga di Demak Laut yang berpendapatan rendah yang masih belum memiliki rumah melalui Program Pembangunan Semula Kampung, Rumah Mampu Milik, Rumah Mesra Rakyat dan *Kampung Extension*.

Kami di Demak Laut juga mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana telah meluluskan Projek *Transit Apartment* di Kpg. Tabuan Hilir, Projek Sejingkat *Redevelopment* dan Muara Tabuan *Redevelopment* demi untuk meningkatkan lagi kesejahteraan kehidupan rakyat.

Pembangunan Modal Insan

Seterusnya berkenaan dengan pembangunan modal insan. Demi rakyat, adalah diharapkan peruntukan sebanyak RM100 juta untuk pembangunan modal insan akan juga dapat dirasai oleh rakyat di Demak Laut dengan keutamaan diberikan kepada pembangunan pendidikan Teknikal dan Vokasional. Kawasan perindustrian Demak Laut yang sudah dilengkapi dengan begitu banyak kilang-kilang perindustrian yang boleh menjadi tempat latihan semula jadi dan seterusnya menyediakan peluang-peluang pekerjaan. Skim-skim bantuan khas untuk para graduan yang masih belum mempunyai hala tuju, bidang kerjaya juga harus disediakan.

Pelancongan

Demi rakyat, adalah diharapkan suatu peruntukan khas untuk memperkasakan *branding* pelancongan akan dapat diagihkan untuk zon pelancongan Demak Laut yang meliputi Taman Negara Bako, Pulau Lakir, *Bako Buntal Bay*, Kampung Bako, Sungai Bako, Muara Tebas dan Tanjung Embang. Fokus terhadap usaha ini melalui diversifikasi produk pelancongan, *event-event*, insentif industri penerbangan dan penerbangan charter untuk membawa lebih ramai pelancong. Menaik taraf infrastruktur pelancongan, inisiatif untuk konservasi dan restorasi tapak-tapak *heritage*, *digital marketing* dan sistem untuk merekod data kemasukkan pelancong serta perbelanjaan para pelancong.

Urbanisasi dan Pembangunan Semula Perkampungan

Syabas, tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana akan memperuntukkan sejumlah dana untuk pembangunan urbanisasi dan pembangunan semula perkampungan tradisi yang juga meliputi kampung-kampung di kawasan Demak Laut. Perancangan komprehensif ini merangkumi infrastruktur untuk merancakkan ekonomi, pusat-pusat penjaja, tebingan sungai, restorasi bangunan *heritage*, mengoptimalkan pembangunan tanah untuk pembangunan perumahan berdensiti tinggi, untuk meningkatkan sistem pengangkutan awam, untuk memfokuskan pada usaha tempatan banjir serta sistem perparitan.

Meningkatkan Penglibatan Keusahawanan

Adalah diharapkan peruntukan khas untuk pembangunan keusahawanan akan dapat juga disalurkan kepada kumpulan sasaran seperti para belia, golongan berpendapatan rendah, para graduan, dan golongan yang mempunyai kemahiran dari kawasan Demak Laut. Ini adalah usaha terbaik untuk mengurangkan jurang ekonomi rakyat.

Transformasi Luar Bandar

Demi rakyat, adalah diharapkan peruntukan untuk transformasi luar bandar juga akan disalurkan ke kawasan Demak Laut yang masih memerlukan dua buah sekolah rendah yang baru di Kampung Tanjung Bako dan Kampung Senari, sebuah sekolah menengah baru untuk kawasan Tanjung Bako, pembinaan sistem paip baru untuk Kampung Tanjung Bako, Pinggan Jaya, Muhibbah Pending, Beradek, Semilang, Tiang Api, Projek Tebatan Banjir untuk sistem perparitan di Kampung Tabuan Melayu, Tabuan Foochow, Bako, Muara Tebas, Goebli, Senari, Sejingkat, Beradik, Sembilang, Tiang Api, Pinggan Jaya dan Muhibbah Pending.

Pembangunan Pendidikan dan Modal Insan

Timbalan Speaker: The Honorable Member for Demak Laut, you have one minute to wind up.

Y.B. Hr Haji Hazland bin Abang Hipni: Demak Laut memohon pihak Kerajaan memberi fokus terhadap pembangunan pendidikan melalui program-program intervensi untuk mengatasi masalah kekurangan guru, menambah guru-guru pakar untuk mata pelajaran Inggeris, Sains dan Matematik. Minat para pelajar terhadap Sains Teknikal Engineering and Mathematics (STEM) dan juga Technical Vocasional Educational Training (TVET) harus ditingkatkan untuk pasaran pekerjaan yang lebih kompetitif.

Seterusnya, peruntukan Kerajaan pusat. Daripada isu-isu di atas, jelas sekali kita memerlukan lebih banyak peruntukan daripada Kerajaan pusat untuk mencapai segala pembangunan yang kita impikan. Bajet nasional untuk Sarawak adalah tidak mencukupi. Oleh yang demikian, kita merayu agar pihak Kerajaan persekutuan akan memberi pertimbangan khusus agar kita dapat mengurangkan jurang pembangunan Sarawak dengan Semenanjung.

Tuan Speaker, the Sarawak Barisan Nasional Government in its continuous efforts to institute positive changes to the State and country, will continue to find ways to accumulate more wealth for the State. The Sarawak Barisan Nasional Government has been planning and implementing many development projects for decades, many are still being developed, some would be completed soon.

Tuan Speaker, I would like express my sincere thanks to the various Government agencies involved in the implementation of projects such as the State Development Office, the Kuching Residence Office, District Office, Public Works Department, Land & Survey, Housing Development Commission, State Religious Department, DBKU, MBKS, MPP, SEDC, LCDA and others.

Tuan Speaker, before I end, I would like to take this opportunity to wish all Christian members of the House, a Merry Christmas and to all, a blessed and Happy New Year 2018 and Happy Chinese New Year. On this note, Tuan Speaker, demi rakyat I render my strong support for the Supply 2018 Bill and the Motion to refer the resolution on the estimate of the development expenditure 2017. Thank you.

Timbalan Speaker: Ahli Yang Berhormat for Samalaju.

Y.B. Encik Majang Anak Renggi: Tuan Speaker, salam sejahtera dan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet Negeri Sarawak 2018 di Dewan yang mulia ini.

Pertamanya, saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri merangkap Menteri Kewangan atas pembentangan Belanjawan Bagi Tahun 2018 pada hari pertama persidangan Dewan kali ini.

Pada pendapat saya, Belanjawan 2018 ini yang bersifat komprehensif dan menyeluruh sudah pasti akan disambut baik oleh rakyat di Negeri ini. Saya bagi pihak komuniti di kawasan DUN N70 Samalaju mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri atas keprihatinan terhadap keperluan rakyat luar Bandar dan dalam masa yang sama terus memajukan kawasan bandar.

Sebagaimana kita sedia maklum bahawa Bajet Negeri Sarawak 2018 telah memperuntukkan bagi perbelanjaan mengurus 30% atau RM2.481 billion, manakala perbelanjaan pembangunan adalah pecahan paling besar dengan 70% atau RM5.745 billion. Pembentangan Bajet ini telah menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri dalam memastikan pembangunan sentiasa mampan seiring pembentukan ekonomi yang seimbang di bawah pimpinan berwibawa Kerajaan Barisan Nasional sejak dahulu dan sekarang.

Selain itu, Bajet 2018 ini dilihat sebagai bajet yang sihat dan memberangsangkan kerana tidak sama sekali meminggirkan pembangunan luar bandar sebaliknya memacu untuk mentransformasi kawasan luar bandar dan ke arah mencapai ekonomi digital di Negeri ini. Diharap agar peruntukan sebanyak 53% daripada bajet pembangunan iaitu RM3.062 billion yang dikhaskan untuk pembangunan luar bandar dengan memberi perhatian kepada pendekatan '*Development Biased and Rural Focused*' mampu mempercepatkan dan merancakkan projek-projek kecil agar dilaksanakan dengan kadar segera. Sekaligus, dengan adanya intipati pembentukan ekonomi di luar Bandar seperti keusahawanan dan pembangunan perusahaan mampu menjadi pencetus kepada pertumbuhan sosio-ekonomi yang konsisten dan dinamik agar membolehkan masyarakat luar bandar untuk duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan masyarakat di bandar.

Merujuk kepada pembentangan Bajet 2018 oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri membuktikan kesungguhan usaha Kerajaan Barisan Nasional untuk memenuhi aspirasi rakyat. Penyediaan Bajet ini berasaskan fakta dan angka yang sahih mencerminkan pengurusan ekonomi yang berkesan berteraskan prinsip kewangan yang berhemah serta urus tadbir yang efektif dan efisien.

Tuan Speaker, izinkan saya menggunakan masa yang terhad ini untuk menarik perhatian berkenaan DUN Samalaju. Beberapa perkara perlu diberi perhatian dan diambil berat oleh pihak yang berwajib terutamanya isu-isu berbangkit yang telah dikemukakan dalam persidangan DUN sebelum ini serta perkara-perkara baru yang akan turut diketengahkan.

Pengwujudan Daerah Baru Samalaju

Kerajaan Negeri bakal membangunkan Samalaju sebagai pusat industri maju yang merupakan salah satu daripada komponen terpenting Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE) di mana hingga kini telah menerima pelaburan mencecah lebih dari RM30 billion membabitkan industri pembuatan dan kejuruteraan berat, seterusnya membolehkan ia menjadi sebuah bandar baharu bertaraf moden seiring dengan kemajuan dan pertambahan penduduk yang dijangka akan menjangkau lebih dari 30,000 orang menjelang tahun 2020.

Justeru, saya mencadang supaya diwujudkan daerah baharu Samalaju bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Dengan adanya daerah baharu ini nanti juga dilihat dapat memudahkan proses urbanisasi sesuai dengan status Samalaju sebagai Pusat Perindustrian.

Pengurusan Buangan Terjadual

Pelan Pengurusan Buangan Terjadual tertutamanya di Taman Perindustrian Samalaju (TPS) adalah perlu memandangkan kawasan ini menempatkan beberapa kilang industri berat yang melibatkan penghasilan dan penggunaan bahan seperti aluminium, silikon polihabluran, silikon logam, *ferro-alloy* dan industri lain.

Dengan kemasukan lebih banyak pelabur yang memilih Taman Perindustrian Samalaju (TPS) sebagai tapak operasi utama, maka saya mencadangkan kepada pihak Kerajaan untuk membina loji Pulihguna Buangan Terjadual (Scheduled Waste Recovery) yang merupakan alternatif jangka masa panjang dalam menangani masalah sisa daripada aktiviti perindustrian yang bakal bertambah di kawasan ini.

Klinik Kesihatan

Sekiranya kita mengambil kira kesukaran mendapatkan rawatan yang bertitik-tolak dari factor lokasi jarak, kemudahan perkhidmatan kesihatan yang jauh dan kos pengangkutan di mana yang paling hampir dengan Taman Perindustrian Samalaju (TPS) adalah 60KM jaraknya iaitu Hospital di bandar Bintulu dan 150KM jaraknya dari Hospital di Bandaraya Miri.

Selain faktor jarak, pertambahan bilangan penduduk yang mendadak kesan dari peningkatan bilangan pekerjaan bagi menampung keperluan kekosongan jawatan di kilang-kilang milik pelabur asing mahu pun tempatan, maka adalah perlu adanya perancangan dari pihak Kerajaan dalam memastikan penyediaan perkhidmatan klinik di kawasan ini agar orang ramai terutamanya penduduk di sini mendapatkan akses kepada rawatan perubatan yang menyeluruh.

Pembinaan Sekolah

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan kerana telah meluluskan pembinaan sebuah sekolah rendah dan sebuah sekolah menengah terletak di Batu 30 Jalan Bintulu – Miri. Apabila siapnya dua buah sekolah ini nanti diharap dapat mengurangkan kesesakan bilangan pelajar di kebanyakan sekolah rendah dan sekolah menengah di bandar Bintulu. Ini adalah membutuhkan keprihatinan Kerajaan dalam

menyalurkan pendidikan yang sebaiknya kerana pendidikan adalah perintis kepada kejayaan dan permulaan bagi lakaran masa depan seseorang.

Pada masa yang sama, saya ingin mencadangkan kepada pihak Kerajaan untuk perancangan bagi membina sebuah sekolah rendah dan sebuah sekolah menengah bertempat di Bandar Baru Samalaju (*Samalaju New Township*) bagi menyediakan kemudahan perkhidmatan kepada penduduk yang dijangka akan cepat bertambah hasil daripada pembangunan pesat pelbagai industri dan kemasukan kakitangan Kerajaan dan agensi ke kawasan ini.

Pembangunan Tenaga Kerja Mahir

Merujuk kepada keperluan Transformasi Nasional 2050 (TN50) yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, Kerajaan perlu komited dalam memastikan peratusan kumpulan tenaga kerja mahir meningkat menjelang 2050. Peningkatan tenaga kerja mahir perlu dilakukan dengan bersungguh-sungguh memandangkan Negara kita masih ketinggalan berbanding Negara lain ketika ini. Dengan adanya pelbagai pelan pembangunan modal insan yang komprehensif seperti program dan latihan kemahiran yang diperkenalkan oleh Kerajaan, maka menghasilkan tenaga kerja mahir tempatan yang berkualiti dan berintegriti tinggi adalah tidak mustahil.

Saya memohon agar pihak Kerajaan dapat memperhebat dan menambah bilangan kuota pengambilan jumlah pelajar ke institusi-institusi latihan kemahiran seperti Institut Kemahiran Mara (IKM), Kolej Vokasional dan Pusat Latihan Teknologi Tinggi (*Advanced Technology Training Centre – ADTEC*). Graduan atau tenaga kerja mahir inilah yang bakal mengisi pelbagai jawatan tenaga kerja mahir di pelbagai industri di Negeri ini khususnya yang bertapak di zon perindustrian Samalaju.

Penglibatan Dan Peranan Industri

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri atas kejayaan penubuhan *Development Bank of Sarawak* (DBOS) serta syarikat minyak dan gas, Petroleum Sarawak Sdn. Bhd. (Petros), yang telah meletakkan Negeri Sarawak di landasan betul dalam menyumbang ke arah proses mempercepatkan pembangunan ekonomi Negeri.

Dalam usaha ini, kita merencanakan lagi pertumbuhan ekonomi Negeri, saya ingin menyarankan agar syarikat petroleum Negara, PETRONAS dapat memperhebatkan lagi penglibatan dan kerjasama dengan Kerajaan Negeri dalam kerja cari gali minyak dan gas di sekitar perairan Sarawak dan pembangunan industri hiliran minyak dan gas. Selain itu, PETRONAS turut diminta untuk meningkatkan pemberian kontrak kepada syarikat tempatan Sarawak di mana keutamaan diberi kepada syarikat-syarikat Bumiputra yang dikira mampu dan mempunyai kepakaran yang dituntut dalam melaksanakan kerja-kerja berkenaan.

Dalam masa yang sama, syarikat atau kilang milik pelabur asing mahu pun tempatan lain seperti Press Metal Bintulu Sdn. Bhd., OM Materials (Sarawak) Sdn. Bhd., Sakura Ferroalloys Sdn. Bhd., OCIM Sdn. Bhd. dan Pertama Ferroalloys Sdn. Bhd. turut disarankan dalam meningkatkan pengambilan tenaga kerja dari kalangan anak tempatan Sarawak dan mengutamakan pemberian kontrak dan perkhidmatan kepada syarikat tempatan Sarawak.

Menangani Masalah Setinggalan

Untuk makluman, masalah setinggalan telah saya utarakan pada setiap persidangan DUN ini. Masalah setinggalan ini perlu diberi perhatian serius dan ditangani dengan segera. Kekurangan pelbagai program perumahan kos rendah, kos sederhana dan rumah mampu

milik di Bintulu termasuk di kawasan Samalaju telah menyebabkan segelintir penduduk menjadikan kawasan setinggan sebagai salah satu alternatif perumahan bagi mengurangkan kos hidup. Saya memohon agar pihak Kerajaan dapat menyediakan kemudahan rumah mampu milik dan rumah mesra rakyat mahu pun penempatan semula di Bintulu dan di kawasan Samalaju dalam usaha jangka panjang untuk menangani masalah setinggan yang kian sesak terutamanya di kawasan sungai Plan, jalan dari Bintulu menuju ke Tanjung Kidurong dan jalan pesisir Tanjung Kidurong – Bakam, Miri.

Bekalan Air Bersih

Masalah ketiadaan bekalan air bersih masih menjadi dilema kepada sesetengah penduduk di luar bandar, contohnya kawasan Suai dan LKTS Suai. Sudah sekian lama penduduk di sini bergantung kepada air hujan dan air dari sungai sebagai sumber air mereka. Justeru saya merayu agar pihak Kementerian berkenaan mengambil berat dan bertindak segera menangani permasalahan ini kerana semua rakyat berhak untuk mendapat bekalan air bersih. Dalam hal ini, saya berharap agar pihak berwajib dapat turun padang untuk meninjau dan mengenal pasti sama ada sumber bekalan air alternatif seperti yang diperkenalkan di bawah projek Pembekalan Air Alternatif Luar Bandar Sarawak (SAWAS) atau kaedah-kaedah lain dapat dilaksanakan bagi menyediakan bekalan air bersih ke kawasan ini.

Bekalan Elektrik Luar Bandar

Sarawak menyasarkan semua kawasan luar bandar di Negeri ini dibekalkan dengan bekalan elektrik menjelang 2020 sekiranya sumber tenaga elektrik yang murah dan bersih mampu dijana daripada pembangunan loji-loji hidro elektrik berskala besar. Justeru, saya mengesyorkan bagi mana-mana kawasan yang terpencil dan sukar untuk dihubungkan dengan Sistem Grid Negeri, saya cadangkan ia dimasukkan di dalam Skim Alternatif Bekalan Elektrik Luar Bandar (SARES) dengan mengguna pakai sistem bekalan tersendiri di luar grid (stand-alone off-grid supply) melalui solar dan potensi hidro mikro sebagai penjana tenaga elektrik.

Timbalan Speaker: You have one minute to wind-up Ahli Yang Berhormat bagi Samalaju.

Y.B. Encik Majang Anak Renggi: Terima kasih Tuan Speaker.

Menaik Taraf Jalan Ulu Suai

Saya memohon kepada Kementerian berkenaan agar dipercepatkan proses ke arah kelulusan untuk menaik taraf Jalan Ulu Suai sepanjang 48 kilometer. Jalan ini menjadi penghubung kepada empat (4) buah sekolah rendah, sebuah klinik desa, 9 buah rumah panjang dan lima (5) buah kampong. Jalan ini juga amat penting kepada pekebun-pekebun kecil dan mini estet di mana kira-kira lima (5) ribu tan berat tandan buah segar (*Fresh Fruit Bunch – FFB*) kelapa sawit dikeluarkan menggunakan jalan ini setiap bulan.

Tuan Speaker, saya memuji ketelusan dan sifat keterbukaan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dalam usaha beliau membangunkan Negeri Sarawak. Kita berdoa semoga Yang Amat Berhormat Ketua Menteri sentiasa diberi kekuatan, kesihatan dan kesejahteraan serta dipermudahkan segala urusan beliau. Diucapkan syabas dan tahniah kepada Tuan Speaker kerana telah berjaya mengendalikan Persidangan ini. Kalungan terima kasih kepada semua kakitangan Dewan yang telah menyempurnakan tugas masing-masing dengan jayanya.

Kepada rakan-rakan yang beragama Kristian, saya ucapkan Selamat Hari Krismas 2017 dan Selamat Menyambut Tahun Baru 2018 yang bakal tiba tidak lama lagi kepada semua. Dengan kata-kata itu, saya mohon menyokong penuh Rang Undang-Undang Perbekalan (2018), 2017 dan Usul untuk Merujuk Resolusi Anggaran Pembangunan Tahun 2018. Sekian, terima kasih.

Timbalan Speaker: Ahli Yang Berhormat bagi Meluan

Y.B. Encik Rolland Duat anak Jubin: Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana telah memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan usul penghargaan atas ucapan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak semasa Pembentangan Belanjawan Bagi Tahun 2018 bagi Mesyuarat Kedua bagi penggal kedua Persidangan Dewan Undangan Negeri Sarawak Kelapan Belas.

Sesungguhnya intipati ucapan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg amat menitik beratkan tentang pembangunan secara holistik dan menyeluruh merangkumi aspek sosial, ekonomi dan juga infrastruktur yang bakal mentransformasikan Negeri Sarawak dari aspek ke arah mewujudkan "S-Sarawak" atau "Smart Sarawak".

Tuan Speaker, walaupun telah dinaik taraf statusnya sebagai daerah penuh semenjak 44 tahun, daerah Julau boleh dikategorikan sebagai salah satu daerah di dalam Negeri Sarawak yang agak jauh ketinggalan dari segi pembangunan sosial, ekonomi dan infrastruktur yang lebih-lebih lagi sebelum ini daerah Julau adalah di bawah Parti Pembangkang.

Tuan Speaker, seperti persidangan yang lalu, saya akan membangkitkan beberapa isu penting yang berkaitan dengan kawasan saya:

Pembangunan Sosio-Ekonomi

Tuan Speaker, daerah Julau terkenal dengan reputasinya sebagai pengeluar utama komoditi lada yang berkualiti dan juga bermutu tinggi. Bagi memantapkan lagi sosio-ekonomi para penduduk di daerah Julau, saya ingin memohon kepada Kerajaan agar melaksanakan inisiatif-inisiatif berikut:

- (a) Memohon agar Kementerian Pemodenan, Pertanian Dan Ekonomi Luar Bandar mewujudkan "Taman Kekal Pengeluaran Makanan" di DUN 48 Meluan. Buah "Durian Musang King" berpotensi tinggi untuk ditanam memandangkan permintaan domestik dan luar negara khususnya negara China terhadap buah Durian Musang King adalah sangat tinggi.
- (b) Memohon agar Kerajaan Negeri mewujudkan Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian atau "Collection Centre" di *Agriculture Training Centre* (ATC) Julau yang akan berfungsi sebagai pusat hentian setempat untuk aktiviti pemasaran dan juga jual beli hasil-hasil pertanian dari kawasan Julau. Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian yang dipohon ini juga perlulah dilengkapi dengan prasarana ICT bagi membolehkan para usahawan tani menguna pakai "Aplikasi Di Atas Talian" di dalam urusan promosi dan pemasaran produk mereka dan juga mengguna pakai "Aplikasi e-Wallet: *Sarawak Pay*" yang baru saja dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri baru-baru ini untuk segala urusan pembayaran yang dibuat di atas talian bagi memastikan urusan niaga berjalan dengan lebih cepat, murah dan juga selamat. Selain berfungsi sebagai pusat sehenti, Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian ini juga boleh dipertingkatkan lagi

peranannya dengan turut menjadikannya sebagai “*Incubation Centre*” untuk memupuk bakat, melatih, menyokong dan juga melahirkan eUsahawan Desa dari luar bandar.

- (c) Memohon Kementerian Pemodelan Pertanian dan Ekonomi Luar Bandar membantu para penduduk di daerah Julau membangunkan industri ternakan khinzir. Usaha ini bertujuan untuk menampung permintaan domestik yang sangat tinggi dan juga permintaan luar negara khususnya daripada Singapura, Taiwan dan China. Industri ternakan khinzir ini sesuai dilaksanakan di daerah Julau memandangkan hampir 100% penduduk adalah berbangsa Iban dan bukan beragama Islam.
- (d) Memohon Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Sarawak mengadakan satu program khusus untuk aktiviti tahunan seperti “Raft Safari” yang akan dapat membantu mempromosikan daerah Julau sebagai salah satu destinasi atau lokasi eko pelancongan di dalam Sarawak memandangkan daerah Julau sangat kaya dengan warisan kebudayaan serta tarikan alam semulajadi yang menakjubkan seperti air terjun dan jeram-jeram yang unik yang amat sesuai untuk dijadikan tempat untuk aktiviti berakit.

Pembangunan Infrastruktur Luar Bandar

Tuan Speaker, sebanyak 60% penduduk di kawasan saya masih belum lagi menikmati kemudahan asas seperti bekalan air paip dan juga elektrik. Oleh yang demikian, saya memohon kepada pihak Kerajaan agar melaksanakan projek-projek berikut:

- (a) Memohon Kementerian Kemudahan Awam membina sebuah “*High Level Pressure Water Tank*” di Bukit Agu, Julau yang bakal memberi manfaat kepada 10,000 isi rumah panjang di daerah Julau.
- (b) Memohon Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan untuk membina jalan yang menghubungkan SK Nanga Entiah, SK Ulu Entabai dan Rumah Sang yang terletak di Rantau Chire, Ulu Entabai sepanjang 16 kilometer yang akan memberi manfaat kepada 3,000 orang penduduk daripada 60 buah rumah panjang.
- (c) Memohon Kementerian Kerajaan Tempatan untuk menyegerakan pembinaan sebuah hospital di daerah Julau memandangkan tapak hospital sudah pun tersedia. Pusat Kesihatan yang sedia ada di Julau sekarang ini sudah usang, kekurangan kelengkapan perubatan dan jumlah kakitangan perubatan yang ditempatkan di Pusat Kesihatan juga tidak mencukupi akibat daripada peningkatan jumlah penduduk dari daerah Julau dan yang terletak di sekitarnya.
- (d) Memohon Kementerian Kemudahan Awam melaksanakan dan memperluaskan Projek Janakuasa Solar (SARES) khususnya di kawasan-kawasan terpencil di daerah Julau yang masih belum lagi menikmati bekalan elektrik.
- (e) Memohon Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan agar membina jalan dari SK Nanga Meluan yang akan turut merentasi SK Nanga Maong dan berakhir di SK Nanga Ju sepanjang 12 kilometer yang akan memberi manfaat kepada lebih 1,000 orang penduduk daripada 20 buah rumah panjang.
- (f) Memohon Kerajaan Negeri untuk membina menara telekomunikasi di SK Nanga Ju, SK Nanga Jambu, SK ulu Entabai, SK Ulu Entaih, SK Nanga Maong, SK Lubok Asam dan di SK Tapang Punggu. Kewujudan menara telekomunikasi ini nanti akan dapat memberi manfaat serta peluang kepada para penduduk luar bandar untuk turut sama menceburkan diri di dalam program e-Usahawan Desa.

- (g) Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak ketika pembentangan Bajet 2018 baru-baru ini, telah memperuntukan RM1 billion untuk Sarawak bagi tujuan membaik pulih sekolah-sekolah daif melalui Sistem Bangunan Berindustri (IBS). Memohon agar Kerajaan Negeri turut menaik taraf sekolah-sekolah usang yang terdapat di dalam kawasan DUN 48. Meluan dan turut memperlengkapkan sekolah-sekolah tersebut dengan infrastruktur ICT.

Tuan Speaker, saya ingin mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri di atas belanjawan yang telah dibentangkan. Peruntukan yang besar bagi tujuan pembangunan infrastruktur sudah pasti akan memancu pembangunan sosio-ekonomi luar bandar. Saya ingin mengakhiri ucapan saya dengan ucapan Selamat Menyambut Hari Krismas kepada seluruh masyarakat Kristian dan juga Selamat Tahun Baru 2018 kepada semua rakyat Sarawak. Sekian, terima kasih.

Timbalan Speaker: Ahli Yang Berhormat for Pelawan.

Y.B. Encik David Wong Kee Woan: Thank you Tuan Speaker. Thank you for giving me the opportunity to debate on Sarawak Budget 2018. I waited in anticipation for our Chief Minister to table his budget on the 8th November 2017 as I thought it would be a budget for all with emphasis on reducing the rising cost of living. But, how disappointed I was when it was really tabled by our Chief Minister. Our Chief Minister did table an RM8.226 billion budget for 2018 but sadly it wasn't a budget for the many as most Sarawakians can't see what's in it for them at all.

Our Chief Minister likes mega projects and likes to impress the people by showing how tech-savvy he is, talking about digital economy and e-Commerce, high speed internet, LRT project and Sarawak Pay. He forgot that Sarawak needs a caring Government that takes care of the people especially the poor and the less privileged first before we embark on other agendas. Yes, we have a rich State Government but how about our folks? With the implementation of the GST, the devaluation of the ringgit and the so called rationalization of the BN where subsidy for fuels, cooking oils, sugar and even flour were cut, many are finding it difficult to keep up with the rising cost of living. With announcing the RM8.226 billion budget, did the Chief Minister address the issues of rising cost of living?

The late Chief Minister Tok Nan is remembered for his many "people-centric" policies during his tenure as Chief Minister of Sarawak. Among his most notable contributions is that he had revised electricity tariff structure for the domestic, commercial and industrial sectors to cushions the rising cost of living of the people. He had also abolished payment of certain land-quit rents which have brought a huge impact to the people. During his stint as the Chief Minister, he has implemented people-friendly policies. He has won the hearts of Sarawakians especially those in urban areas, through moves like the abolishment of toll for the bridges, acceleration development in the suburban areas as well as reducing the premium payments for agricultural and residential land. This is the kind of leadership that Sarawakians put their faith and willing to work together with. Penang Government and Selangor Government are giving out assistance to help people struggling against rising cost of living although their budget is only RM1.3 billion and RM3.12 billion prospectively.

Did our Chief Minister give any thought to the students who are accepted into Vocational schools or local University by giving aids to them like that of the Penang Government does with RM300 for Vocational students and RM1000 for College students? How about the senior citizens aid and healthcare services for families with household incomes of RM5000 and below and RM300 in "child care assistance" for mothers with children below six(6) years old? Penang also gives RM400 cash vouchers for fishermen

along with free nets twice a year, how about Sarawak, Tuan Speaker? The Selangor Government has a heart for the poor by addressing cost of living and affordable health care into their Budget 2018. The “*Skim Peduli Sihat*” or medical healthcare coverage to address the rising cost of living for the B40 income group, which cover approximately one million people with income of RM3000 and below. The Selangor Government announced a new programme in its 2018 budget, dubbed “*Kasih Ibu Smart Selangor*” (KISS) which provides a monthly assistance of RM200 for food supplies to mothers whose families income is below RM2000, how about Sarawak, Tuan Speaker? Or did the Chief Minister address about the ever worsening business environments in Sarawak since the implementation of the GST? While Penang and Selangor Government tabled a budget to reduce the impact of the rising cost of living for the people on the street and the families struggling to stay afloat, what do we have for our Sarawakian, Tuan Speaker? The Chinese has a simple saying “*Bu Yiyang Jui Shi Bu Yiyang*”, there’s no comparison.

Tuan Speaker, Sarawakians would like to see the Chief Minister taking care of the ordinary people, the men and women on the street and the working families and not taking care of mega projects that may not be viable at all, such as the LRT and DBOS. Bearing in mind that the Development fund Account as the command paper 7 of 2017, we can see that it will be reduced to RM952 million in 2018 from RM5, 339 million in 2015. With the RM8.22 billion, why can’t Sarawak Government emulate the Penang and Selangor Government in tackling the rising cost of living for the less fortunate and table a budget for all?

Tuan Speaker, a good budget is more than just numbers or the reserve we hold but how it affects and helps the peoples to be financially independent, care for the less privileged and be able to achieve a balanced distribution for all sectors of society through the Government Ministries. There has been an over centralization of power and fiscal allocations in the hand of the Chief Minister and yet the BN law makers do not utter a single word of concern or cast any doubt on the distribution of power and that is why the *rakyat* has placed all their hope on the Opposition wakil rakyat to speak out for them in this Dewan.

Tuan Speaker, in the 2018 State Budget, out of the estimated Operating Expenditure of RM2,481 million, RM646.2 million(26 percent) was allocated to the three ministries headed by the Chief Minister, leaving the remaining are to be shared by the 9 Ministries. Out of the estimated Development Expenditure of RM5,744 million, RM4,048 million (70.5 percent) was allocated to the Ministries headed by the Chief Minister, leaving the remaining 29.5% to be shared by the other 9 Ministries. Such concentration of power defies the principles of economic efficiency and accountability and maybe that is why we are still the poorest state in the country.

Tuan Speaker, the State Government Budget over the years has the following characteristics; structural flaws:

1. Over Centralization of Power in a Person.

Nothing in the Barisan Nasional spending plans indicated any political will to tackle structural problems blamed for the state’s lack of developments. The Chief Minister decision is final and his cabinet and the Barisan Nasional’s ADUN can only toe the line. There are 12 Ministries and the Chief Minister controls more than 60% of the annual budget which is evidence of the over centralization of power.

2. Corruption, Poor Governance and Political Patronage Remain Widespread.

Tuan Speaker, recently on the 2 November, the Borneo Post carried a front page reporting on the Forestry Department releasing logs and machinery worth some RM7

million from illegal logging operations. More than 3,500 logs and 14 units of machinery were handed over to the Forest Department by SFC for appropriate action, the report said. Yet the Second Minister for Natural Resource didn't know about it while another Minister called for investigation by the Anti-Corruption Agency.

Commenting on this, I quote, "Sarawak Minister of Tourism, Arts, Culture, Youth and Sports, Abdul Karim told The Borneo Post, ""Even the director of forests has to make a statement that the decision is not his but his committee. I smell a rat here and wish to see a more thorough investigation. MACC should also look into this matter and whether there is any element of officials acting beyond their powers. I am just not happy when I read about this matter."

Tuan Speaker, I also smell rat as well as many Sarawakians and we would like the Minister in charge to give this House and the Sarawakian a full account of the incident or be removed from his office.

3. Insufficient Time and Chances for Debate on the Budget.

Often, the Government Bills and Budget is passed in a hurry without allowing sufficient time to debate which is most unacceptable as the Bills and Budgets passed has a direct impact on the people and yet their representatives are not given the time and chances to deliberate on and probe on the rationale behind the critical choices and allocation.

This has happened again in this session where the opposition law makers were given the Bills at the eleventh hour and we want the Chief Minister to respond to this in his winding up speech whether it was done deliberately to stop the opposition law makers from having sufficient time to do research and making sure the Bills are not challenged in this Dewan. The House clearly lacks the bipartisan spirit that puts the interests of the rakyat above politics, Tuan Speaker.

4. Poorest Not Getting Access to Aids.

According to the Malaysian Economic Monitor April report to the Economic Planning Unit, only 27% of the country's poorest 10% had received help from the government. This is especially serious in Sarawak as we have one of the highest poverty rates in Malaysia and many of our folks in the rural areas are without basic public utilities, amenities such as piped water, electric power and clinics no to mention fire fighting facility which are the common themes of the backbenchers' debate speech as well, Tuan Speaker. And yet our Chief Minister is talking about mega projects LRT and all the Sarawak Pay, all these.

Tuan Speaker, I would like to raise the following issues affecting SibU.

1. SibU Otter Link Proposal

Tuan Speaker, since 2011, I have raised many issues about the developments of SibU or rather the lack of them. Over the past 10 years, there is no new road or link being built or constructed in SibU and SibU's development has basically come to a standstill.

I have submitted a SibU Outer Links' Proposal to the Chief Minister's Office in October 2015 and urged our Chief Minister to have it adopted into the 2016 budget. The 70 million proposal will ease the heavy traffic jam and solve the problem of the

lack of connectivity among the densely populated residential and commercial areas in Sibü as well as pave the way to develop a low cost housing hub in Sibü.

After one of our press release about the proposal, Member for Bawang Assan who is not here now, told the press that he has a better plan which cost some 100 million but until today we have not seen his plan at all. If he has one, for the benefit of the people of Sibü, I can assure him and the Government that DAP will give 100% support.

Tuan Speaker, to deny Sibü the necessary budget in 2016, 2017 and again in 2018 is to totally cut Sibü out of the State development, the Barisan Nasional State Government is in contempt of the people of Sibü as we don't see any reason for the Chief Minister to refuse a proposal which is good for Sibü even if that proposal comes from Opposition.

I must put on record that Member for Bawang Assan, Dudong and Nangka have failed the people of Sibü in allowing Sibü been marginalised while holding the position of a State Cabinet Minister, The Chairman of the SMC and an Assistant Minister respectively.

2. Economy of Sibü and Central Region of Sarawak.

Over the past decades we have seen Sibü slid from the past glory of the timber hub in Sarawak, the town which owns the most number of Sarawak local banks, the second biggest town in Sarawak and even worst hit were the smaller towns in central region of Sarawak such as Sarikei, Meradong, Kanowit, Pakan, Julau and Selangau. There seems to be no hope at all for these towns in central Sarawak as they were been ignored and marginalized by the Barisan Nasional Governments. Youth starts leaving their hometown looking for employment; companies start leaving for other parts of the country and overseas.

Tuan Speaker, look at the logging companies in Papua New Guinea, Solomon Islands, Africa and elsewhere, most of them came from central Sarawak. We must seek other industry to replace the sunset logging industry in central Sarawak and to bring jobs for the locals and create a second economy boom for Sibü and that will also spill over to the smaller towns in central Sarawak. I am talking about the rubber wood and rubber-based industries. Tuan Speaker, I have deliberate on that and I ask question on the setting up of mills in Sibü, okay?

Tuan Speaker, I met a Malaysian who tried to start off the rubber wood processing factory in Sibü. He has obtained the export license, but he can't get the license to build a rubber wood factory or mill in Sibü. In order to obtain the production and processing license, the Government want the company to go to Tanjung Manis to buy an industrial lot.

The Assistant Minister for Industrial Development in his oral reply to my question on the 10 November 2017 has said that this industry needs to be driven by the private sector not knowing that the private sector has approached his Ministry and was turn away by the bureaucrats and red tapes of the Government.

Tuan Speaker, Sarawak has abundant supply of rubber wood which all these while has been left to rot simply because the state government does not have any idea how big is the industry.

Tuan Speaker, instead of what the Assistant Minister giving in his reply to me that to set up a procession mill one has to go to ICC, SEIDC, Forestry department and Department Of Environment all these, it is the job of the government to cut red tapes and coordinate and help the investors to get all the necessary ministries, departments, authorities to work together to make it easy for the investors. Just do it. Tuan Speaker, don't just talk about it.

Local Authority of SMC and SRDC

Tuan Speaker, the ordinary people really are not that demanding and they just want the government to deliver the basic services and amenities that can be delivered through the local authorities and local councils. In Sibul, there are two local councils, the SMC and the SRDC, these two councils are tasked to provide the basic services from providing street lighting, disposal of garbages, cleaning of drains, maintenance or roads and general hygiene of the town and residential areas.

Yet these two councils have failed to deliver the basic and people are generally angry at the government because they perceive the local council's performance as a yardstick of the State Governments. I have dealt with the local councils before and I know their predicament although I don't sympathize with them. Their basic problems are the lack of funds which made them unable to respond positively.

Tuan Speaker, let's look at the 2018 budget, how much did the State Government grant to these two locals councils. SMC gets RM1.5 million while SRDC gets RM1.8 million.

Timbalan Speaker: You have one minute to wind up.

Y.B. Encik David Wong Kee Woan: Tuan Speaker, do you thing that's sufficient? Our local councils have limited resources of funding and the fund collected from the assessment rates, licenses are definitely not sufficient to provide for the services. While the BDA, the Bintulu Development Authority is allocated with RM215 million in the 2018 budget, where is social justice Tuan Speaker? We all know the BDA is chaired by our Chief Minister and this again proves the over centralization of power that defies efficiency and accountability as I have mentioned earlier.

However, we are totally disappointed that our Second Finance Minister And Member For Bawan Assan, the chairman of the SMC and Member for Dudong and the Assistant Minister for Local Government and Housing, Member for Nangka, they have failed to live up to the expectation to bring more funding for the local councils of Sibul. But no thanks to the President of the SUPP, Dr Sim and Minister in charge of Local government who had delivered some ...(*Interruption*)... We give him injury time okay.

Timbalan Speaker: Point of Order. Point of Order. Okay. Honorable Member for Nangka.

Y.B. Encik David Wong Kee Woan: Okay

Y.B. Dr Haji Annuar Bin Rapa'ee: Terima kasih wakil bagi Palawan.

Y.B. Encik David Wong Kee Woan: Yes.

Y.B. Dr Haji Annuar Bin Rapa'ee: Just to clarify I am not the Minister or Assistant for Local Government.

Y.B. Encik David Wong Kee Woan: Housing.

Y.B. Dr Haji Annuar Bin Rapa'ee: Yes but your point is on local government. And you mentioned that I am the Minister for Local Government.

Y.B. Encik David Wong Kee Woan: No. no no. Tuan Speaker, I said three of the members are from Sibü. One is a Minister; one is a SMC council chairman and one use ..(*Interruption*)

Y.B. Dr Haji Annuar Bin Rapa'ee: Is not local government? It is not local government.

Y.B. Encik David Wong Kee Woan: Not necessarily the local government. You are the wakil from Sibü, fight for Sibü for Christ's sake.

Y.B. Dr Haji Annuar Bin Rapa'ee: Okay, Tuan Speaker.

Timbalan Speaker: Order. Order. Please, please order. ... (*Inaudible*)

Y.B. Dr Haji Annuar Bin Rapa'ee: Tuan Speaker, in Sibü we have five YBs.

Y.B. Encik David Wong Kee Woan: Yes.

Y.B. Dr Haji Annuar Bin Rapa'ee: Previously three of the YBs are from DAP.

Y.B. Encik David Wong Kee Woan: Now.

Y.B. Dr Haji Annuar Bin Rapa'ee: And then now there are, how many from, there are only three of us and then still three from DAP.

Y.B. Encik David Wong Kee Woan: Now, come *on lah Ministry lah*, we are not the *Government lah*. You want to be in the opposition...(*Interruption*)

Y.B. Dr Haji Annuar Bin Rapa'ee: You must also play your role, where is your role...(*Interruption*)

Timbalan Speaker: Can we have order, can we have order. Let him speak, please. Okay you have just one last minute. One last minute.

Y.B. Encik David Wong Kee Woan: Two minutes, two minutes.

Timbalan Speaker: No one minute. I am giving you one extra minute.

Y.B. Encik David Wong Kee Woan: Okay. I repeat. We all have to fight for the Local Council in Sibü so that the people of Sibü can be served better. Honorable Member for Nangka, I think you agree with me there. But no thanks to the President of SUPP and the Minister in charge of Local Government who had delivered some very eloquent speech about wanting the Local Councils not to worry about funding when he was appointed Minister last year. Did he do anything, nothing, nil. SUPP *cakap besar saja*. Useless SUPP.

Tuan Speaker, Sibü folks are not interested in the political squabble between SUPP and UPP but please don't let this affect the performance of the local council. With that I conclude my address and I hope the Chief Minister and the relevant ministers will respond to the issues brought up and have the wisdom to amend the budget to address the problems raised by the opposition members of this House as well. Thank you Tuan Speaker.

Timbalan Speaker: Ahli Yang Berhormat for Murum.

Y.B. Encik Chukpai Ugon: Terima kasih, Tuan Speaker. Selamat pagi, salam sejahtera dan salam Ibu Pertiwiku. Terima Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam Perbahasan Kali Yang Kedua Rang Undang-Undang Pembekalan (2018), 2017 dan usul untuk merujuk Resolusi Anggaran Pembangunan Bagi Perbelanjaan 2018 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini pada 8 November 2017 yang lalu. Dengan kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri atas pembentangan perbelanjaan 2018 yang sangat komprehensif berteraskan kesejahteraan rakyat serta mengutamakan pembangunan di mana digital ekonomi adalah tiang utama sebagai pemangkin untuk melonjakkan agenda pembangunan Negeri Sarawak.

Belanjawan dan bajet 2018 merupakan satu bajet yang menunjukkan bahawa Kerajaan amat prihatin dan komited bersungguh-sungguh dalam memastikan agenda Pembangunan Sarawak "*The Sarawak Transformasi: The Way Forward*" dapat tercapai sebagai sebuah Negeri termaju menjelang tahun 2030. Ini jelas sekali daripada 8.226 billion yang jumlah keseluruhan perbelanjaan 2018 diperuntukan 5.745 billion bagi perbelanjaan pembangunan iaitu 70% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan 2018.

Dalam usaha Kerajaan merapatkan jurang pembangunan di luar bandar melalui inisiatif "*Rural Transformation Program*" diperuntukkan RM3.062 billion iaitu 53% daripada Perbelanjaan Pembangunan. Ini jelas membuktikan kesungguhan dan betapa seriusnya Kerajaan Barisan Nasional untuk membawa pembangunan dan kemajuan kepada kawasan luar bandar.

Digital Ekonomi

Tuan Speaker, inisiatif digital ekonomi Sarawak yang telah diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri untuk mentransformasikan ekonomi Negeri ini melalui pelaksanaan Ekonomi Digital amat bertepatan pada masa kini. Saya juga turut menyokong sepenuhnya aspirasi, impian dan visi Yang Amat Berhormat Ketua Menteri untuk menjadikan Sarawak sebagai Hub Digital di rantau ini dan seterusnya akan dikenali sebagai "s-Sarawak" atau *Smart Sarawak* dan akan membawa manfaat kepada rakyat keseluruhannya.

Saya beharap dengan peruntukan sebanyak RM1 billion daripada Kerajaan Negeri dan RM500 million daripada Kerajaan persekutuan bagi infrastruktur digital dibawa inisiatif Digital Ekonomi Sarawak dapat dilaksanakan juga di DUN Murum agar rakyat di pedalaman dapat turut serta dalam Digital Ekonomi ini.

Menara Telekomunikasi

Tuan Speaker, selaras dengan dasar dan inisiatif Kerajaan ke arah Negeri berasaskan digital ekonomi, pastinya setiap kawasan memerlukan menara dan rangkaian sistem telekomunikasi bagi membolehkan akses kepada internet. Di kawasan DUN Murum, terdapat banyak kawasan yang belum menikmati kemudahan ini kerana kekurangan menara telekomunikasi. Oleh itu, saya mohon agar lebih banyak menara telekomunikasi dibina di kawasan-kawasan pedalaman di Murum untuk membolehkan masyarakat di sekitar kawasan tersebut dapat menikmati kemudahan ini agar tidak ketinggalan dalam agenda transformasi digital ekonomi ini.

Transformasi Luar Bandar

Tuan Speaker, dengan pengumuman peruntukan sebanyak RM3.062 billion bagi Perbelanjaan Pembangunan di Luar Bandar tentu sekali membawa berita gembira kepada

rakyat di luar bandar khususnya rakyat di DUN Murum yang masih memerlukan pembangunan terutamanya dari segi infrastruktur asas dan ameniti sosial seperti Jalan Raya, Bekalan Air Bersih Terawat, Bekalan Elektrik, Sistem Telekomunikasi, Kemudahan Kesihatan, Prasarana Pendidikan, Prasarana Sukan, Pusat Komuniti (*Rural Service Centre*), Pusat Pengumpulan Produk Desa (*Rural Collection Centre*) dan Pusat Transformasi Luar Bandar (*Rural Transformation Centre*). Seiring harapan belanjawan ini, izinkan saya mengutarakan beberapa keperluan yang sangat memerlukan pertimbangan segera yang sewajarnya daripada pihak Kerajaan di kawasan DUN Murum, sebagai membalas sokongan rakyat dan merealisasikan impian untuk menikmati buah kemerdekaan negara ini.

Jalan-Jalan Kampung

Tuan Speaker, kawasan saya di DUN Murum terutamanya di kawasan Tubau/Jelalong, Urun, Murum dan Ulu Sungai Linau pada masa ini hanya boleh dihubungi dengan menggunakan jalan bekas balak yang sangat rosak teruk dan perlu dinaik taraf dengan kadar segera. Dengan adanya jalan-jalan ini, saya yakin ianya akan dapat mentransformasikan sosio ekonomi penduduk di kawasan ini apabila tanah-tanah mereka dapat diusahakan secara intensif dan memudahkan mereka memasarkan hasil dan produk mereka.

Bekalan Elektrik Luar Bandar

Tuan Speaker, seperti mana yang kita semua sedia maklum di DUN Murum terdapat dua empangan hidroelektrik iaitu Empangan Bakun dan Empangan Murum yang merupakan Power House atau nadi tenaga Negeri ini, tetapi malangnya masih ada tempat di kawasan saya di Murum belum lagi menikmati bekalan tenaga elektrik. Oleh itu saya memohon untuk dibekalkan tenaga elektrik terus dari grid ke semua rumah panjang yang berdekatan dengan grid dibawah Program RES (*Rural Electrification Scheme*) dan Program SARES (*Sarawak Alternatif Rural Electrification Scheme*) bagi rumah panjang yang jauh di pedalaman di kawasan DUN Murum.

Bekalan Air Bersih Luar Bandar

Tuan Speaker, kebanyakan rumah panjang dikawasan DUN Murum belum menikmati bekalan air bersih terawat. Selari dengan usaha Kerajaan untuk memperluaskan jangkauan bekalan air bersih di seluruh Sarawak, inisiatif baru yang diperkenalkan oleh Kerajaan melalui implementasi *Sarawak Alternative Rural Water Supply* (SAWAS) yang direka khas untuk mengatasi masalah bekalan air bersih ke kawasan luar bandar, harap dapat memberi manfaat kepada kampung-kampung di kawasan saya yang belum menikmati bekalan air bersih terawat yang hanya bergantung kepada air hujan dan *gravity feed* terutamanya di kawasan pedalaman DUN Murum.

Prasarana Pendidikan

Tuan Speaker, seperti di kawasan pedalaman lain di Sarawak, keadaan sekolah-sekolah di kawasan saya juga sangat daif diantaranya SK Lusong Laku, SK Long Urun, SK Kuala Kebulu dan SK Bukit Balai yang kerap dilanda banjir. Begitu juga dengan keadaan sekolah-sekolah di Skim Penempatan Semula Bakun dan Murum iaitu SMK Bakun, SK Batu Keling, SK Long Gang, SK Tegulang dan SK Metalun yang masih dalam keadaan serba kekurangan dari segi kemudahan. Tanpa kemudahan pendidikan yang kondusif, selesa dan mencukupi sudah pasti sangat sukar untuk kita melahirkan generasi berpendidikan dan membangun modal insan untuk menerajui Sarawak di masa hadapan.

Y.B. Encik Chukpai Ugon: Maka dengan peruntukan yang diumumkan oleh Kerajaan persekutuan dalam Bajet 2018 baru-baru ini sebanyak RM1 billion bagi menaiktaraf dan

membalik pulih sekolah-sekolah daif di seluruh Sarawak, besarlah harapan saya agar sekolah-sekolah di kawasan Murum juga diberi perhatian supaya anak-anak dari kawasan pedalaman dapat menimba ilmu dalam suasana yang lebih kondusif, sempurna dan selesa.

Prasarana Kesihatan

Tuan Speaker, di DUN Murum terdapat cuma empat buah klinik sahaja dan rata-rata keadaan klinik ini sangat daif dengan kelengkapan yang serba kekurangan dan ini sudah tentu tidak mencukupi untuk menampung keperluan penduduk yang semakin bertambah. Oleh itu, saya merayu kepada Kerajaan agar membina sebuah hospital di BRS Sg. Asap bagi menampung keperluan dan penambahan jumlah penduduk. Saya juga memohon agar klinik kesihatan yang baharu dibina di Skim Penempatan Semula Metalun, Tegulang, Long Urun, Ulu Sg. Linau dan Jelalong.

Skim Penempatan Semula Hidro Bakun dan Murum

Tuan Speaker, sekali lagi saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, berhubung dengan janji-janji yang ditaburkan dan isu-isu yang masih tertunggak yang kini menimbulkan keresahan di kalangan rakyat yang mengorbankan tanah pusaka nenek moyang mereka bagi memberi laluan kepada pembinaan Projek Mega Hidro Bakun dan Murum demi kelastrian pembangunan negara dan Negeri ini. Mereka telah bersabar menanti akan jawapan yang pasti namun seolah-olah hak dan kebajikan mereka diabaikan dan mereka merasa dipinggirkan. Namun pada hari ini, kita rasa bersyukur kerana hidro empangan Bakun sudah dimiliki oleh Kerajaan Negeri. Oleh itu, saya berharap agar janji-janji dan permintaan mereka selama ini dapat ditunaikan dengan kadar segera.

Tuan Speaker, antara isu-isu yang sangat dekat di hati penduduk di Skim Penempatan Semula Bakun (BRS) Sg. Asap adalah:-

(1) Pengeluaran Surat Hakmilik Tanah

Memohon agar pengeluaran Surat Hak milik tanah ke atas baki lot bilik dan lot tanah bagi 922 lot yang belum dikeluarkan surat hak milik di bawah Section 18 (Hak milik Kekal) seperti yang diumumkan dan disampaikan kelulusan secara dasar oleh Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri Tan Sri Datuk Amar Dr. James Jemut Masing di Sg. Asap pada 5 Mei 2016 semasa PRN yang lepas. Ini melibatkan jumlah premium sebanyak RM880,510.00. Sehubungan dengan itu, kita juga memohon agar Kerajaan membayar balik premium sebanyak RM2,343,042.00 kepada 1,178 keluarga yang telah membayar premium ke atas lot bilik dan lot tanah masing-masing melalui potongan terus (kontra) dari pampasan mereka. Ini kerana sekiranya Kerajaan memberi tanah-tanah ini di bawah Section 18, hak milik kekal maka premium bagi tanah-tanah ini adalah percuma.

(2) Peruntukan Tanah Gantian

Memohon kelulusan bagi tanah gantian seluas 2,450 ekar bagi mengganti lot-lot pertanian yang tidak sesuai untuk diusahakan dan tanah gantian ini telah dikenal pasti oleh Jabatan Tanah dan Survei Bahagian Kapit namun sehingga kini belum lagi ada kelulusan.

(3) Peruntukan Tanah Tambahan

